

24/08/2001

Kongres bincang masa depan pelajar Melayu

KUALA LUMPUR, Khamis - Kongres Pendidikan Melayu Pertama yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), pada 1 dan 2 September ini akan mengetengahkan isu mengenai pendidikan pelajar Melayu masa kini dan masa depan.

Kongres yang pertama kali diadakan itu adalah anjuran Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) dengan kerjasama Kumpulan Melayu Prihatin.

Timbalan Pengerusi Kongres Pendidikan Melayu Pertama, Prof Madya Dr Abd Rahman Daud, berkata seramai 3,000 peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuk pemimpin politik, ulama, profesional, guru, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), ahli korporat, badan berkanun seperti Felcra, Felcra.

Beliau memberitahu sidang akhbar, mereka akan sama-sama berbincang dan mencari jalan penyelesaian berhubung masalah pendidikan pelajar Melayu yang masih ketinggalan jika dibandingkan dengan pelajar lain.

"Kita turut mengundang pemimpin parti pembangkang untuk sama-sama mencari jalan menyelesaikan masalah membabitkan pelajar Melayu," katanya.

(END)